



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA
BIL.1/2021 SECARA VIRTUAL**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**19 APRIL 2021 (ISNIN)
8.45 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Hj. Ujang
Pengerusi PUSPANITA MBSP

Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

Encik Mat Nasir bin Hassan
Naib Yang Dipertua PESUKA

Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff
Yang Dipertua PERMAI

Puan Latifah binti Razali
Pengerusi KOSPEMA

Wira Oren dan seluruh kakitangan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terima kasih saya ucapkan kepada semua barisan Ahli Majlis 2021, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan serta semua pemimpin persatuan MBSP dan kakitangan MBSP yang hadir, sama ada secara virtual atau bersemuka di Dewan Kenanga. Perhimpunan Korporat ini adalah yang pertama selepas negara diisyithar PKP pada 18 Mac 2020. Di bulan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan “Selamat Berpuasa”. Ramadhan bulan yang penuh barokah, marilah kita melipat gandakan doa agar kita diberi kekuatan menghadapi cabaran COVID-19 dan meringankan dugaan supaya kita dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Seberang Perai perlu terus membangun sebagai bandar raya yang resilient dan kompetitif demi kemakmuran rakyat serta masa depan yang lebih cemerlang. Terima kasih kepada semua wira barisan hadapan yang terdiri daripada Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan, Wira Oren dan semua kakitangan MBSP yang selama ini bersusah payah untuk memberikan khidmat yang terbaik bagi memastikan tahap pematuhan kekal pada 99%. Syabas kepada anda semua dan kepada rakyat Seberang Perai.

Pihak pengurusan tidak pernah melupakan keselamatan wira-wira barisan hadapan dan semua warga kerja MBSP, selama melaksanakan tugas untuk rakyat. MBSP mempunyai 3,186 wira barisan hadapan dan sebanyak 728 wira barisan hadapan MBSP telah pun mendaftar dan bersetuju untuk menerima suntikan. Di dalam jumlah tersebut, seramai 391 orang wira barisan hadapan MBSP telah dipanggil untuk menerima suntikan di Pusat Pemberian Vaksinasi di seluruh Seberang Perai.

Walau bagaimanapun, malangnya tidak seorang pun Ahli Majlis MBSP yang telah diberi vaksin. Saya memohon supaya Ahli-Ahli Majlis MBSP diberi keutamaan untuk mendapat suntikan vaksin kerana mereka juga wira-wira barisan hadapan yang saban hari membantu rakyat dilapangan dan berdepan dengan risiko jangkitan virus COVID-19. Disamping itu saya menyeru agar 2,458 wira barisan hadapan yang belum mendaftar supaya segera mendaftar di dalam MySejahtera bagi memudahkan proses untuk mendapatkan suntikan bagi keselamatan diri anda, keluarga dan Seberang Perai. Walau apa pun saya mengambil kesempatan di sini, mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, Negeri Pulau Pinang yang memberi perkhidmatan yang mesra lagi *informative*.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pulau Pinang masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 15 April hingga 28 April 2021. Justeru pihak pengurusan telah memutuskan untuk meneruskan *Remote Workforce Initiative* (RWI), 30% kehadiran di pejabat dan 70% bekerja daripada rumah kecuali mereka yang bertugas melaksanakan perkhidmatan perlu seperti pembersihan, perkhidmatan kaunter dan sebagainya.

Saya berharap agar kelonggaran ini tidak diambil mudah oleh semua kakitangan. Sekiranya, dipanggil ke pejabat atau diminta menyiapkan tugas segera, jangan sekali-sekali memberi alasan RWI untuk melengah-lengahkan tugas. RWI bukannya berehat atau bercuti di rumah. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan memberikan sebarang alasan untuk tidak dapat hadir ke pejabat apabila diminta atau tidak hadir ke mesyuarat jika perlu bersemuka, tindakan disiplin boleh diambil terhadap tuan-tuan dan puan-puan kerana rakyat sangat-sangat memerlukan perkhidmatan yang pantas dan mudah semasa kesusahan menghadapi COVID-19.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP telah memperkenalkan konsep kejiranan 20-minit atau *20-minute Neighbourhood Concept*. Konsep ini akan meningkatkan kualiti hidup dengan mewujudkan kawasan kejiranan di mana keperluan penduduk seperti perumahan, pejabat, restoran, taman, hospital tempat rekreasi dan tempat kebudayaan dapat diakses dalam sekitar 20 minit dengan berjalan kaki atau berbasikal sahaja. Masjid Daerah SPT Bandar Perda menjadi pusat aktiviti utama. Di samping itu MBSP merancang untuk mewujudkan enam (6) kejiranan 20 minit atau *20-minute neighbourhood* sebelum tahun 2030, di mana pusat perniagaan, taman rekreasi dan masjid menjadi pusat aktiviti utama.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Semasa pandemik COVID-19, MBSP telah menggunakan pendekatan *Behavioral Insight* iaitu satu cabang ilmu daripada *Behavioral Sciences* untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh MBSP. Empat kunci utama dalam *Behavioral Insight* adalah *Make it Easy*, *Make it Attractive*, *Make it Social*, dan *Make it Timely*. Pendekatan ini telah berjaya mewujudkan Pasukan ‘Tanya Saya’ untuk membantu penggunaan

MBSPPay, Pembukaan *Cyber Counter Corner* untuk melatih orang awam menggunakan *Cyber Counter* dan membuat transaksi secara virtual, Penubuhan *Seberang Perai City Channel* (SPCC) sebagai saluran media untuk menyampaikan maklumat terkini MBSP, menyediakan hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran, *Scan Park and Pay* untuk memudahkan pembayaran melalui *online* tanpa perlu turun dari kenderaan, yang telah dilancarkan pada 16 Februari 2021, Penggunaan *Cyber Bill* dimana 72,227 *cyberbill* cukai taksiran telah dihantar dari 1 Januari hingga 28 Februari 2021.

Pendekatan *Behavioral Insight* telah berjaya menaikkan transaksi *online* daripada 55.63 % iaitu 119,752 transaksi pada tahun 2020 kepada 69.11 % iaitu 133,480 transaksi sehingga Februari 2021. Nilai transaksi *online* dari 1 Januari hingga 28 Februari 2021 adalah RM59,841,727 berbanding tempoh yang sama iaitu 1 Januari hingga 28 Februari 2020 iaitu RM46,912,949.00. Pendekatan ini juga telah meningkatkan pengeluaran lesen tidak berisiko pada hari yang sama sebanyak 6% (bersih) iaitu 61,474 lesen pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu 57,829 lesen.

Behavioral Insight mempunyai matlamat utama meningkatkan *engagement* dengan rakyat untuk menambahbaik perkhidmatan penyampaian dengan rakyat. Simbolik peningkatan *engagement* dengan

rakyat dipersembahkan dalam bentuk *Signage Nudges* #penangproduktif di hadapan Menara Bandaraya di persimpangan Jalan Perda Utama, Jalan Perda Barat, Jalan Perda Timur kerjasama antara MBSP dan MPC Wilayah Utara.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah memungut lebih 10,000 keping pelitup muka yang dibuang oleh orang awam ditempat letak kereta dan tempat awam setiap hari. MBSP memandang *serius* perkara ini dan orang ramai boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 47 (1) (a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kerana membuang apa-apa bentuk sampah di tempat awam, jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak lebih RM500.00 bagi kesalahan pertama dan RM1,000.00 bagi setiap kesalahan yang seterusnya.

Walau bagaimanapun, MBSP menggunakan pendekatan berhemah dengan mengeluarkan 2,000 notis kepada pengilang dan premis perniagaan untuk mendidik pekerja mereka cara pelupusan pelitup muka yang betul. MBSP juga telah meletakkan *Mask Sterilizer Machine* yang merupakan Inovasi penduduk tempatan pertama di Malaysia di kaunter

berpusat untuk kegunaan awam. MBSP juga akan mengedarkan 15,000 pelipat simpanan pelitup muka untuk mengurangkan risiko pelitup muka terjatuh atau tercemar sewaktu pelitup muka ditanggal untuk sementara. Adalah diharapkan orang ramai dan juga kakitangan juga perlu memastikan pelitup muka pakai buang dilupuskan dengan cara betul dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Justeru, saya berharap agar tahun 2021 akan membawa lebih banyak kecemerlangan kepada MBSP. MBSP tidak dapat bergerak sendiri tanpa sokongan anda semua. Terima kasih pada semua yang telah menabur bakti ke arah kecemerlangan MBSP bagi menjadikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Akhir kata, **#StayStrong** dan **#MajulahMBSP**.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.